

# 'Adaptasi perubahan, keluar daripada sindrom penafian'

Anwar arah KPM, KPT laksana dasar, langkah jelas perkasa sektor pendidikan

Oleh Rohaniza Idris dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta semua pihak yang terbabit dalam sistem pendidikan negara mengadaptasi perubahan dan keluar daripada sindrom penafian untuk membawa Malaysia menuju ke-cemerlangan.

Perdana Menteri berkata, sikap taasub terhadap kegemilangan lampau menjadi antara punca kegagalan Malaysia untuk maju, termasuk dalam sektor pendidikan.

Berucap hampir sejam melancarkan Wacana Pemikir Global 2024 bertemakan 'The Next 100 Years: Vision 2100 for Malaysia' di Universiti Malaya (UM) di sini, semalam, beliau mengarahkan Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melaksanakan dasar dan langkah yang jelas bagi memperkasa sektor pendidikan negara.

Beliau meminta universiti mengembangkan kajian dalam Kecerdasan Buatan (AI).

"Kita tidak mempunyai sumber yang mencukupi, tetapi apa sahaja yang ada mesti dilakukan sekarang, saya mahu sekurang-kurangnya beberapa pelaksanaan dibuat sekarang... tahun ini, tiada lagi alasan," tegas Anwar.

KPM pula diarah melihat semula pelaksanaan sistem prasekolah bagi mengelakkan kesenjangan dalam kalangan masyarakat.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, sebelum fokus kini terarah kepada usaha mengangkat pendidikan tinggi, perkara asas dan pendidikan rendah juga perlu diberikan perhatian.

"Bagaimana hendak membuat reformasi sistem pendidikan tinggi sedangkan pendidikan awal (prasekolah) masih ketinggalan dan memperlihatkan jurang yang besar.

"Sekarang ini, wujud kesenjangan yang melebar antara bandar dan desa, miskin bandar dan miskin desa," katanya.

Beliau juga mengarahkan KPT segera menamatkan amalan birokrasi lama yang menyaksikan kementerian yang membuat banyak keputusan bagi universiti awam (UA).

"Saya sebelum ini, sudah mengarahkan KPT memberi UA ruang untuk menentukan keutamaan masing-masing. Justeru, sistem lama dan amalan birokrasi di mana kementerian membuat keputusan (mengenai pentadbiran) bagi pihak UA mesti diakhiri sekarang," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau membangkitkan perkara ini (berkaitan pendidikan) terutama disebabkan keperluan yang mendesak dan menyedari hakikat bahawa beberapa perkara yang dilaporkan kepadanya berhubung PISA (Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa) amat meresahkan.

Anwar berkata, PISA 2022 adalah contoh kegagalan untuk mengakui kekurangan dalam sistem terdahulu yang sekali gus memberi impak kepada kedudukan negara dalam penara-



Anwar bersama Wan Azizah, Zambray, Fahmi dan Noor Azuan pada Wacana Pemikir Global 2024 di Universiti Malaya, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

fan antarabangsa.

## **Terkesan PISA 2022**

Beliau juga mengakui terkesan dengan prestasi Malaysia dalam PISA 2022, selain menegaskan alasan standard dikemukakan berhubung perkara itu adalah ia berpunca akibat penularan pandemik COVID-19 yang turut menjejaskan semua negara lain.

"Sekiranya gerak kerja biasa masih digunakan, anda akan ketinggalan," katanya.

"Kita bukan menafikan pencapaian terdahulu seperti pertumbuhan ekonomi, perpaduan dan peningkatan pada tahap tertentu dalam sistem pendidikan.

"Namun, jika dilihat fakta, beberapa daripadanya membimbangkan. Rujuk laporan PISA

terkini yang akan memberi gambaran (sebenar) kepada tahap kejayaan negara.

"Malaysia berada di tangga ke-51 daripada 81 negara dalam kajian PISA, khususnya dalam subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Malah, kita terburuk dalam kalangan tujuh negara ASEAN," katanya.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Sri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambray Abdul Kadir; Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Naib Canselor UM, Prof Datuk Seri Dr Noor Azuan Abu Osman.

Dalam PISA 2022, Malaysia mencatat kemerosotan dalam purata pencapaian ketiga-tiga domain literasi, dengan Literasi

Matematik menurun 31 mata, Literasi Saintifik (22) dan Literasi Bacaan (27) berbanding PISA 2018.

"Kita perlu tanya diri sendiri bagaimana kita boleh gagal. Ini adalah soalan yang perlu kita tanya sebelum mahu membincangkan mengenai visi negara bagi 100 tahun akan datang.

"Kita perlu cakna mengenai keadaan negara dan tidak boleh kekal dalam sindrom penafian," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata dalam mengejar ke-cemerlangan dalam pendidikan, sektor itu perlu menyediakan pelajar dan penuntut institusi pendidikan tinggi tanpa mengetepikan aspek agama, budaya, nilai, akhlak dan jati diri.